

Pelajar cipta tutorial solat 3D

HARIAN METRO (SETEMPAT) 11 MAE 2015 m/s 36

Kuantan: "Alhamdulillah, kejayaan ini satu pengiktirafan kepada kerja keras saya selama enam bulan," kata Mohd Irshad Shafiq Md Zamri, 26, penerima Anugerah Khas pada Ekspo Re-kacipta, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan (CITREX) 2015 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, semalam.

Penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) UMP itu menerima anugerah berkenaan menerusi I-Solat, aplikasi telefon pintar bagi membolehkan masyarakat mempelajari solat dengan lebih interaktif dan menyeronokkan berdasarkan tutorial model tiga dimensi (3D).

Mohd Irshad Shafiq berkata, dia mendapat idea menghasilkan aplikasi berkenaan memandangkan kanak-kanak termasuk yang belum bersekolah pada masa kini amat berminat bermain permainan atas talian atau menonton program kesukaan mereka menerusi telefon pintar milik ahli keluarga yang lebih dewasa.

"Ia membolehkan pengguna telefon pintar dengan sistem operasi Android memuat turun aplikasi I-Solat menerusi Google Play. Mereka juga dibekalkan dengan buku panduan solat dan boleh mengimbas kod atau



MOHD Irshad bersama anugerah yang diterima.

gambar tertentu dalam buku itu melihat tutorial dengan model 3D menerusi aplikasi telefon pintar itu.

"Dengan cara ini, kanak-kanak lebih mudah memahami cara bersolat dan bacaan dalam solat yang betul pada usia lebih muda.

"Usaha ini membantu ibu bapa yang sibuk dengan tuntutan kerja untuk menerapkan pendidikan agama dalam kalangan anak mereka," katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui selepas mene-

rima anugerah itu daripada Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing' Nasir Ibrahim pada ekspo yang diadakan sempena Hari Terbuka UMP 2015 di Kompleks Sukan UMP kampus Gambang, dekat sini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP Profesor Datuk Dr Yusserie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP Profesor Dr Mashitah Mohd Yusoff.

Mohd Irshad yang berasal

dari Rompin berkata, ketika ini, dia berharap supaya ada pihak tertentu yang berminat untuk membangunkan prototaip projek itu supaya ia dapat dikomersialkan bagi memberi manfaat kepada masyarakat.

"Saya mengambil masa enam bulan menghasilkan projek ini. Jadi saya berharap ia tidak berakhir setakat peringkat prototaip sebaliknya boleh dijadikan produk yang boleh dijual dalam pasaran pada masa akan datang," katanya.